

Lampiran Pendedahan Produk

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk mengambil Medic Plan. Sila pastikan juga Anda baca terma-terma dan syarat-syarat umum.

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan takaful keluarga perubatan yang diperbaharui setiap tahun yang memberi perlindungan sehingga berumur 70 tahun pada hari lahir yang akan datang, tertakluk kepada pembaharuan. Ia membayar balik perbelanjaan perubatan yang dikenakan semasa kemasukan hospital dan untuk manfaat pesakit luar tertentu. Semua manfaat akan dibayar dari dana *Tabarru`*. Tiada amaun akan dibayar apabila peserta meninggal dunia.

2. Apakah konsep Syariah yang berkenaan?

- *Ta`awun* - persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip pertolongan bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta`awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Merujuk kepada perkara di atas, sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu dana *Tabarru`* adalah *Tabarru`at* (kebajikan) secara alami.
- *Wakalah bi al-ujrah* - Persetujuan di mana Kami dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah sijil Anda. Kami (Prudential BSN Takaful Berhad) akan mengambil sebahagian daripada sumbangan Anda sebagai Caj *Wakalah* sebagai balasan bagi perkhidmatan ini. Selain daripada Caj *Wakalah*, Kami juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diagihkan daripada dana *Tabarru`*.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan	Medic Plan
MANFAAT	AMAUN MANFAAT
Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian (<i>maksimum 120 hari setahun</i>)	Sehingga RM150 sehari
Manfaat Hospital & Pembedahan	
1. Manfaat Unit Rawatan Rapi/ Unit Rawatan Jantung (<i>maksimum 30 hari setahun</i>)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Deduktibel
2. Manfaat Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan	
- Manfaat Pembedahan	
- Bekalan dan Khidmat Hospital	
- Bilik Pembedahan	
- Bayaran Pakar Bius	
- Lawatan Doktor Pakar Dalam Hospital	
Manfaat Rawatan Pesakit Luar	
1. Manfaat Rawatan Sebelum Masuk Hospital (<i>dalam tempoh masa 30 hari sebelum masuk hospital</i>)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Deduktibel
2. Manfaat Rawatan Selepas Keluar Hospital (<i>dalam tempoh masa 90 hari selepas keluar Hospital</i>)	
3. Manfaat Pembedahan Harian	Seperti Yang Dicaj

Manfaat Tambahan	
1. Manfaat Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	Sehingga RM5,000 setahun
2. Manfaat Tunai Harian Hospital Kerajaan (<i>maksimum 120 hari setahun</i>)	RM50 sehari
3. Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti Yang Dicaj
4. Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	
DEDUKTIBELⁱ	RM1,000, RM2,000, RM3,000
HAD TAHUNAN	RM100,000
HAD SEUMUR HIDUP	Tiada Had Seumur Hidup

ⁱ Sekiranya Anda dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia (seperti yang disenaraikan di dalam laman web Kami), deduktibel ialah RM100, RM200 RM300, tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat.

- Untuk rawatan luar negara, jika Anda memilih atau dirujuk untuk menerima rawatan di luar Malaysia, manfaat untuk rawatan adalah terhad kepada Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan serta Perlu Dari Segi Perubatan yang setara dengan rawatan tempatan di Malaysia dan tertakluk kepada had residen 90 hari setiap perjalanan.
- Jangka masa pelan: sehingga berumur 70 tahun pada hari lahir yang akan datang atau sehingga kematian, mana-mana yang berlaku dahulu.

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

- Amaun sumbangan berubah berdasarkan amaun Deduktibel yang dipilih, kelas pekerjaan Anda dan umur hari lahir Anda yang akan datang. Sumbangan bagi pelan ini adalah merupakan sumbangan tahunan dan meningkat setiap tahun sijil mengikut peningkatan umur hari lahir Anda yang akan datang pada ulang tahun sijil. Sila rujuk Lampiran 1 bagi contoh sumbangan.
- Sumbangan untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula pada ulang tahun sijil. Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang sumbangan yang disemak semula dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ulang tahun sijil.
- Sumbangan hendaklah dibayar sehingga umur 69 tahun pada hari lahir yang akan datang.
- Adalah penting untuk Anda menyimpan Penyata Kad Kredit, Kad Debit atau Penyata Bank yang diterima sebagai bukti pembayaran sumbangan untuk rujukan pada masa akan datang.

5. Apakah caj-caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Caj <i>Wakalah</i>	20% daripada sumbangan.
Potongan <i>Tabarru`</i>	80% daripada sumbangan.

- Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran lanjut mengenai Potongan *Tabarru`* dan caj.
- Potongan *Tabarru`* dan caj adalah tidak dijamin dan boleh disemak semula pada ulang tahun sijil. Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang Potongan *Tabarru`* dan caj yang disemak semula dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ulang tahun sijil.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya tahu?

- Kepentingan membuat pendedahan:
 - Kewajipan untuk membuat pendedahan sebelum menyertai kontrak - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keadaan kesihatan dan Anda mesti menyatakan umur Anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua maklumat yang relevan yang Anda tahu atau

sepatutnya tahu sebaik pengetahuan Anda dan atas niat baik. Jika Anda gagal untuk berbuat demikian, Kami boleh menamatkan sijil Anda.

- Kewajipan umum untuk membuat pendedahan akan sentiasa berterusan dan akan memerlukan Anda untuk memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan ke atas maklumat yang telah didedahkan atau sebarang maklumat baru yang relevan dengan sijil.
- Tempoh rujukan percuma - Anda boleh membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh permulaan. Begitu juga, bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan sijil Anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh permulaan. Kami akan mengembalikan sumbangan yang telah Anda bayar.
- Tempoh kelayakan/menunggu - Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil takaful ini hanya akan bermula 120 hari selepas tarikh permulaan untuk penyakit tertentu dan 30 hari untuk sebarang penyakit lain. Bagi kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh kemalangan, perlindungan bermula dengan segera..
- Sijil luput - Jika Anda gagal membayar sumbangan dalam masa 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar, sijil Anda akan tamat dan tidak lagi berkuatkuasa. Penguatkuasaan semula adalah tidak dibenarkan untuk sijil yang telah luput.
- Pembaharuan - Semasa pembaharuan, Kami mungkin mengubahsuai terma dan syarat sijil termasuk sumbangan yang perlu dibayar, atau mengecualikan secara khusus keadaan atau ketidakupayaan yang mengakibatkan tuntutan terdahulu dengan memberikan Anda notis tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun sijil. Sebaliknya, sijil ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun sijil selagi sumbangan Anda dibayar pada kadar caruman semasa yang dikira berdasarkan umur ulang tahun Anda pada ulang tahun sijil dan tertakluk kepada keadaan pengeluaran portfolio.
- Syarat penarikan balik portfolio - Bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami memutuskan untuk tidak meneruskan pengunderaitan pelan ini. Dengan berbuat demikian, Kami akan berhenti memperbaharui sebarang sijil yang perlu diperbaharui pada ulang tahun sijil dan berhenti menerima apa-apa sijil baru. Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang keputusan Kami dengan memberi notis sekurang-kurangnya 30 hari. Sijil Anda akan terus berkuatkuasa sehingga ulang tahun sijil selepas notis tersebut.
- Deduktibel - Anda perlu membuat bayaran terdahulu sebanyak RM1,000, RM2,000 atau RM3,000 tanpa mengira jumlah perbelanjaan yang ditanggung bagi sebarang hilang upaya. Sekiranya Anda dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia, amaun deduktibel akan dikurangkan kepada RM. Amaun deduktibel yang dikurangkan hanya akan digunapakai jika kemasukan ke hospital dan rawatan pesakit luar bagi sebarang hilang upaya tersebut diterima sepenuhnya di sebuah Hospital Kerajaan Malaysia.
- Caj berpatutan dan biasa diamalkan - Kami akan membayar balik caj untuk rawatan dan perkhidmatan perubatan untuk rawatan yang perlu dari segi perubatan untuk hilang upaya yang tidak melebihi tahap am caj yang dibuat oleh sebuah hospital setaraf dalam Malaysia. Caj tersebut mempertimbangkan rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang sama atau setara kepada seorang yang mempunyai jantina dan umur yang sama, untuk penyakit atau kecederaan yang sama, dan selaras dengan piawai rawatan perubatan yang diiktiraf dan tidak boleh ditinggalkan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Anda.

- Penukaran pelan – Sila ambil perhatian bahawa jika Anda menukar pelan semasa Anda dengan yang lain atau dari satu pengendali kepada yang lain, Anda mungkin tertakluk kepada pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu untuk pelan baharu.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk dokumen sijil untuk terma dan syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?

Sijil ini tidak akan melindungi sebarang kemasukan hospital atau pembedahan atau caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh salah satu (1) kejadian di bawah:

- (a) Keadaan sedia ada jika keadaan tersebut tidak dinyatakan kepada Kami.
- (b) Penyakit tertentu berikut yang berlaku dalam tempoh 120 hari yang pertama dari tarikh permulaan:
 - Tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular;
 - Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip;
 - Batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
 - Sebarang penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
 - Hernia, buasir, fistula, hidrosil atau varikosis;
 - Sebarang penyakit sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau
 - Sebarang masalah tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) dan penyakit lutut.
- (c) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama tempoh menunggu, kecuali kecederaan akibat kemalangan.
- (d) Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacangan yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama tempoh menunggu.
- (e) Pembedahan plastik atau kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata untuk rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasan atau pembedahan pembedahan rabun dekat (Keratotomi radial) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, kardioverter defibrillator automatik yang diimplan dan preskripsi yang berkaitan.

Nota: Sila rujuk dokumen sijil untuk terma dan syarat di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Anda boleh membatalkan sijil Anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Walau bagaimanapun, jika Anda memilih untuk membatalkan sijil Anda selepas tempoh rujukan percuma, tiada amaun serahan yang akan dibayar kepada Anda. Sebaliknya, Kami akan terus memberikan perlindungan kepada Anda sehingga ulang tahun sijil selepas Anda memberikan notis tersebut.

9. Apakah yang perlu saya buat jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran perhubungan saya?

Ianya penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada waktunya.

10. Dimanakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Jika Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku kecil infoinsurans berkenaan 'Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang terdapat di www.insuranceinfo.com.my.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

Tel: 03 2053 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

Anda juga boleh melayari www.prubsn.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan takaful keluarga lain yang tersedia:

Sila hubungi PruBSN untuk jenis-jenis perlindungan lain yang tersedia.

NOTA PENTING:

ANDA MESTILAH BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL INI SESUAI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DIRI ANDA. ANDA PERLU MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah sah pada Februari 2019.

Medic Plan

Pelan Takaful Perubatan
dan Kesihatan

Lampiran 1 - Jadual Sumbangan

Umur pada Hari Lahir yang Akan Datang	Sumbangan Tahunan bagi amaun Deduktibel RM3,000 (RM)				Umur pada Hari Lahir yang Akan Datang	Sumbangan Tahunan bagi amaun Deduktibel RM3,000 (RM)			
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4		Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4
19	494	494	618	741	45	808	808	1,010	1,212
20	494	494	618	741	46 *	990	990	1,238	1,485
21	494	494	618	741	47 *	1,033	1,033	1,292	1,550
22	494	494	618	741	48 *	1,077	1,077	1,347	1,616
23	494	494	618	741	49 *	1,120	1,120	1,400	1,680
24	494	494	618	741	50 *	1,205	1,205	1,507	1,808
25	494	494	618	741	51 *	1,290	1,290	1,613	1,935
26	494	494	618	741	52 *	1,375	1,375	1,719	2,063
27	480	480	600	720	53 *	1,460	1,460	1,825	2,190
28	466	466	583	699	54 *	1,546	1,546	1,933	2,319
29	452	452	565	678	55 *	1,657	1,657	2,072	2,486
30	438	438	548	657	56 *	1,768	1,768	2,210	2,652
31	438	438	548	657	57 *	1,879	1,879	2,349	2,819
32	438	438	548	657	58 *	1,990	1,990	2,488	2,985
33	451	451	564	677	59 *	2,101	2,101	2,627	3,152
34	464	464	580	696	60 *	2,244	2,244	2,805	3,366
35	477	477	597	716	61 *	2,406	2,406	3,008	3,609
36	479	479	599	719	62 *	2,550	2,550	3,188	3,825
37	492	492	615	738	63 *	2,695	2,695	3,369	4,043
38	505	505	632	758	64 *	2,840	2,840	3,550	4,260
39	518	518	648	777	65 *	3,027	3,027	3,784	4,541
40	564	564	705	846	66 *	3,215	3,215	4,019	4,823
41	618	618	773	927	67 *	3,404	3,404	4,255	5,106
42	669	669	837	1,004	68 *	3,592	3,592	4,490	5,388
43	720	720	900	1,080	69 *	3,781	3,781	4,727	5,672
44	771	771	964	1,157					

* untuk pembaharuan sahaja.

Nota: Jadual Sumbangan yang ditunjukkan di atas digunapakai bagi sijil dengan amaun Deduktibel RM3,000. Kadar akan berbeza bagi amaun Deduktibel yang lain.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah sah pada Februari 2019.